

22 MAY 2003

Rafidah-Pakej

USAHAWAN WANITA DIGESA GUNAKAN PELUANG DALAM PAKEJ EKONOMI

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini menggesa usahawan wanita khususnya yang terlibat dalam sektor industri kecil dan sederhana (IKS) untuk mempergunakan secara terbaik faedah yang disediakan oleh kerajaan melalui Pakej Strategi Baru Ekonomi.

Terdapat dana yang besar dalam IKS yang boleh digunakan oleh wanita bagi aktiviti perdagangan dan perniagaan, katanya kepada pemberita selepas merasmikan Logo Galeri Jatiwanita di sini hari ini.

Semalam, Dr Mahathir mengumumkan pakej ekonomi berjumlah RM7.3 bilion bagi mengembangkan ekonomi negara akibat kelembapan ekonomi dunia kesan pencerobohan Amerika Syarikat di Iraq dan serangan wabak Sindrom Penafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Melalui pakej itu, sebanyak RM600 juta telah diperuntukkan kepada Tabung Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan selain beberapa insentif lain.

Rafidah berkata melalui Projek HARAPAN (Harapan Rakyat memiliki Perumahan) yang diperkenalkan di dalam pakej itu, ia juga memberi manfaat kepada wanita, khususnya ibu dan wanita tunggal, yang berpeluang memiliki rumah dengan harga berpatutan.

Beliau berkata usahawan wanita yang menghadapi masalah untuk mendapatkan kemudahan dana atau pinjaman, boleh mengemukakan aduan kepada beliau atau Wanita Umno.

"Segala kemudahan yang disediakan bertujuan untuk membantu merangsangkan ekonomi. Jika wang itu masih ada dan tidak ada siapa yang boleh mendapatkannya, maka rangsangan itu tidak akan berlaku," katanya.

Rafidah jugaberkata Wanita Umno, dalam mesyuaratnya hari ini, memutuskan untuk membawa tiga usul untuk dibincangkan pada Perhimpunan Agung Umno bulan depan, dan tidak akan menyentuh sebarang isu berkaitan Puteri Umno.

"Kita hanya akan menyentuh isu-isu semasa negara, kita tidak masuk campur hal orang (Puteri Umno), itu hal rumah tangga orang. Saya cerita hal isu negara," katanya.

Isu-isu yang akan diketengahkan melibatkan sekolah agama rakyat, pendidikan agama, penyelewengan agama, keciciran agama, prestasi pendidikan dan soal penyatuan ummah, katanya.

Pergerakan Wanita Umno melalui biro ekonominya akan mengadakan pameran Galeri Jatiwanita yang akan diadakan sempena Perhimpunan Agung Umno itu dari 16 hingga 20 Jun ini.

-- BERNAMA

SNS MFJ MAI